



UNTUK SIARAN SEGERA

31 MAC 2022

KPJ HEALTHCARE UMUM PELANTIKAN KEPIMPINAN BAHARU

Datuk Md Arif Mahmood dilantik sebagai Pengerusi baharu KPJ Healthcare dan Dato' Mohd Shukrie Mohd Salleh merupakan Presiden & Pengarah Urusan baharu KPJ Healthcare berkuat kuasa 1 April 2022

KUALA LUMPUR, 31 Mac – KPJ Healthcare Berhad (“KPJ Healthcare” atau “Syarikat”), penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta terbesar di Malaysia dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan kepimpinan baharu.

Datuk Md Arif Mahmood akan dilantik sebagai Pengerusi baharunya, berkuat kuasa 1 April 2022. Beliau mengambil alih jawatan tersebut daripada Tan Sri Dr Ali Hamsa, yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan Pengerusi Syarikat sejak Jun 2021.

KPJ Healthcare mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tulus kepada Tan Sri Dr Ali Hamsa atas sumbangan dan komitmen beliau yang tidak ternilai, dan atas bimbingan dan pimpinan beliau terhadap Lembaga Pengarah KPJ Healthcare sepanjang tempoh perkhidmatannya. Pengalaman beliau yang luas telah menyumbang kepada kemajuan KPJ Healthcare di pelbagai peringkat.

“KPJ telah melalui fasa cabaran luar jangka, ditambah lagi dengan kehendak peralihan landskap industri penjagaan kesihatan dan perubahan jangkaan pihak berkepentingan. Kami telah memberi tumpuan untuk melaksanakan program transformasi “*Re-energising KPJ*” kami untuk terus berdaya saing dan mampan. Dengan kepercayaan dan sokongan kolektif Lembaga Pengarah, bersama-sama pihak pengurusan, KPJ kini berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamat dan aspirasi strategiknya. Ia adalah satu keistimewaan dapat berkhidmat untuk KPJ Healthcare dan saya ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan ahli Lembaga Pengarah serta Pasukan Kepimpinan Kanan KPJ Healthcare untuk perjalanan yang bermakna ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Datuk Md Arif Mahmood atas pelantikannya dan mengucapkan selamat maju jaya dalam memacu KPJ Healthcare ke hadapan,” kata Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Datuk Md Arif, yang baru-baru ini bersara sebagai Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Hiliran PETRONAS pada 1 Januari 2022, mempunyai kerjaya yang cemerlang dengan pengalaman lebih 37 tahun dalam industri minyak dan gas bersepadu. Beliau adalah ahli pasukan kepimpinan PETRONAS dengan menggalas tanggungjawab



utama untuk memimpin, menyusun strategi, memacu prestasi dan pengembangan Perniagaan Hiliran Global PETRONAS.

Beliau sebelum ini merupakan Naib Presiden Kanan, Strategi Korporat & Risiko dan juga Naib Presiden Perniagaan Minyak PETRONAS. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan dalam Kumpulan PETRONAS termasuk, Ketua Pegawai Eksekutif ASEAN Bintulu Fertilizer (ABF), Pengurus Besar Kanan (Perniagaan Runcit) PETRONAS Dagangan Berhad dan Pengurus Besar Loji Pemprosesan Gas (Kompleks B), Petronas Gas Berhad.

Beliau juga pernah menyandang jawatan pengerusi PETRONAS Dagangan Berhad, PETRONAS Chemicals Group Berhad, (kedua-duanya tersenarai di Bursa Malaysia), BASF PETRONAS Chemicals SB (usaha sama dengan BASF), PRefchem Refining SB dan PRefchem Petrochemicals SB (usaha sama dengan Saudi Aramco), PETRONAS Marketing International SB, PETRONAS Lubricants International SB dan ENGEN Limited. Beliau juga merupakan pengarah lembaga PETRONAS Carigali SB, PETRONAS International Corporation Limited (PICL) dan Kompleks Penapisan dan Petrokimia Pengerang (PRPC) SB.

Beliau telah terlibat secara aktif atas pelbagai kapasiti dalam merangka dan mengkaji semula Strategi Korporat PETRONAS. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam menerajui pelbagai inisiatif dalam Kumpulan PETRONAS mengenai kerja yang berkaitan dengan strategi, pertumbuhan, transformasi, inovasi, sumber manusia, risiko, perusahaan tangkas, kecemerlangan operasi, kecemerlangan komersial dan kecemerlangan rantai bekalan. Beliau juga sangat berpengalaman dalam mengetuai usaha penggabungan dan pengambilalihan.

Pengalaman luas Datuk Md Arif, di peringkat operasi dan strategik, setelah berkhidmat di pelbagai organisasi dalam pelbagai kapasiti akan menjadi aset yang berharga dalam mengemudi KPJ Healthcare ke arah menyampaikan pertumbuhan dan nilai yang dipertingkatkan kepada pihak berkepentingannya.

Datuk Md Arif berkelulusan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (summa cum laude) dari Boston University, Amerika Syarikat dan memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Massachusetts Institute of Technology, Amerika Syarikat.

KPJ Healthcare juga dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Dato' Mohd Shukrie Mohd Salleh sebagai Presiden & Pengarah Urusan ("PMD") baharunya yang berkuat kuasa 1 April 2022. Dato' Mohd Shukrie mengambil alih jawatan daripada Ahmad Shahizam Mohd Shariff, yang tidak berhasrat untuk memperbaharui kontraknya yang akan tamat pada 30 Jun 2022. Ahmad Shahizam telah menyandang jawatan itu sejak 1 Julai 2020, telah pun memaklumkan kepada Lembaga Pengarah KPJ Healthcare akan keputusannya berikutan tamat penggal beliau sebagai PMD.



Lembaga Pengarah KPJ Healthcare ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan komitmennya yang tidak ternilai dalam mengemudi Syarikat melalui tempoh mencabar pandemik dan berjaya memajukan Syarikat ke fasa pertumbuhan melalui program transformasi “*Re-energising KPJ*”.

Sehubungan itu, KPJ Healthcare berbesar hati mengalu-alukan Dato’ Mohd Shukrie sebagai PMD KPJ Healthcare. Beliau adalah pemimpin yang mempunyai visi perniagaan dan pengalaman yang luas. Pengalaman beliau meliputi perkhidmatan dalam perbankan dan korporat, kewangan korporat, penggabungan dan pemerolehan, perkhidmatan kewangan, pengurusan risiko, sumber manusia dan banyak lagi dimana ianya akan dapat memberi manfaat kepada Syarikat untuk fasa transformasi, inovasi dan pertumbuhan kami yang seterusnya.

Dato’ Mohd Shukrie telah menyertai Malaysia Airports Holdings Berhad (“MAHB”) pada Mei 2019 sebagai Ketua Pegawai Operasi dan kemudiannya memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, di mana beliau telah memainkan peranan penting dalam mengemudi Kumpulan melalui tempoh mencabar pandemik dan mengekalkan operasi dan kestabilan kewangan MAHB. Pengalaman beliau akan memainkan peranan penting untuk memastikan KPJ Healthcare meneruskan pertumbuhan dan pelan strategik jangka panjangnya.

Sebelum pelantikannya sebagai Ketua Pegawai Operasi MAHB, Dato’ Mohd Shukrie telah diamanahkan untuk mengetuai Redbox Logistics AirAsia sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan kemudiannya sebagai Ketua Pegawai Operasi untuk AirAsia Malaysia.

Pada tahun 2005, Dato’ Mohd Shukrie telah menyertai DRB-HICOM Berhad di mana beliau telah menyandang pelbagai peranan kepimpinan termasuk sebagai Pengawal Utama, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam pelbagai anak syarikat dalam Kumpulan DRB-HICOM. Beliau menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KL Airport Services Sdn Bhd, yang merupakan anak syarikat pengendalian darat, kargo dan logistik pesawat dalam Kumpulan DRB-HICOM. Pada 1 Julai 2011, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Pos Malaysia Berhad dan kemudiannya menyertai Konsortium Logistik Berhad pada 2013 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan sebelum kembali menerajui Pos Malaysia Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya pada November 2015.

Dato’ Mohd Shukrie merupakan Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Malaysia serta memegang Ijazah dalam Pengajian Perniagaan dari University of North London.

-tamat-